

Penerokaan sains tradisi Islam

B.H 11/12/07 MS 13
Kemajuan teknologi sepatutnya mendekatkan insan dengan pencipta

Ufuk Minda

Bersama

Prof Dr Sidek Baba

AL-QURAN adalah mukjizat Allah yang amat besar kepada manusia. Ia kunci untuk manusia menyelak rahsia kejadian dan kebesaran-Nya. Usaha meneroka kajian mengenai hakikat kejadian ini tidak ada penghujungnya. Sifatnya sambung sinambung dalam kajian saintifik dan teknologi terus berlaku serta banyak penemuan baru selari dengan al-Quran.


Konsep 'dukhan' atau asap atau *gaseous* yang ada dalam al-Quran dikaitkan dengan Teori Dentuman Besar atau *Teori Big Bang* yang menjadi polemik saintis kini. Konsep 'mu'siun' atau sesuatu yang berkembang dikaitkan dengan kajian saintifik, menyatakan alam ini berkembang.

Ayat Allah memberikan perisyaratan saintifik yang sukar untuk dipertikaikan dan menjadi pedoman utama saintis Islam dan saintis terkemudian sehingga ke hari ini. Ia tidak bermaksud apabila timbul penemuan saintifik, maka lahirlah dakwaan bahawa ia sudah ada dalam al-Quran.

INTI PATI

Sains dan Islam

- Sifat sambung sinambung dalam kajian saintifik dan teknologi terus berlaku serta banyak penemuan baru selari dengan al-Quran.
- Konsep 'dukhan' atau *gaseous* yang ada dalam al-Quran dikaitkan dengan Teori Dentuman Besar atau *Teori Big Bang* yang menjadi polemik saintis.
- Konsep 'mu'siun' atau sesuatu yang berkembang dikaitkan kajian saintifik, menyatakan alam ini berkembang.
- Ayat Allah memberikan perisyaratan saintifik yang sukar untuk dipertikaikan dan menjadi pedoman utama saintis Islam dan saintis terkemudian sehingga ke hari ini. Ia tidak bermaksud apabila timbul penemuan saintifik, maka lahirlah dakwaan bahawa ia sudah ada dalam al-Quran.



Apabila tradisi pengkajian dan penerokaan rahsia alam dilakukan orang lain, natijah kajiannya tidak dapat menolak persyaratan terdapat dalam al-Quran. Banyakan jika saintis Islam sendiri melakukan usaha itu, sudah tentu ia memberi kekuatan iman dan keyakinan terhadap penciptaan.

Alam ini terlalu luas untuk dikaji. Keupayaan manusia menerobosi alam amat terbatas. Yang terbatas itu masih memadai untuk manusia memahami makna hidup dan kehidupan. Kehidupan akan lebih bermakna jika pedoman agama dijadikan landasan. Dunia fizik dan metafizik adalah dua faktor yang harus dilihat segandingan.

Memberi fokus kepada aspek fizik semata-mata, manusia hanya terdorong untuk mengkaji fenomena. Menghubungkan aspek metafizik dalam kajian dan pemerhatian memberi erti kepada manusia sesuatu di sebalik fenomena.

Manusia cenderung berfikir secara mekanistik berasaskan pemerhatian dan uji kaji semata. Asas yang lebih penting dan teguh mengenai fenomena sering dinafikan. Lalu penerokaan sains dan penghasilan teknologi tidak saja memberi manfaat kepada manusia tetapi melahirkan kebimbangan terhadap nasib manusia.

Perang Dunia Pertama dan Kedua memperlihatkan bagaimana bumi serta manusia dirosakkan oleh keserakahan kuasa yang menguasai teknologi terhadap kuasa yang belum menguasai teknologi.

Sekarang ini, kuasa besar seperti Amerika Syarikat menggunakan justifikasi yang menolak peradaban manusia lalu menggunakan teknologi persenjataan canggih untuk menghancurkan sesebuah negara atau sekelompok manusia yang dibenci supaya melutut kepadanya.

Keadaan ini membuktikan bagaimana nilai kemanusiaan dan etika sudah tidak lagi menjadi pertimbangan. Yang menjadi keutamaan ialah bagaimana negara lain di dunia khususnya negara Islam mampu ditundukkan dengan kuasa mereka yang ada.

- Malangnya kuasa besar seperti Amerika Syarikat menggunakan justifikasi yang menolak peradaban manusia lalu menggunakan teknologi persenjataan canggih untuk menghancurkan sesebuah negara atau sekelompok manusia yang dibenci supaya melutut kepadanya.


- Perbincangan mengenai sains, Tuhan dan agama sudah berlaku sejak lama. Sejak zaman Aristotle dan Plato, subjek mengenai Tuhan dan alam sering disentuh. Thomas Aquinas menyatakan, agama dan akal tidak seharusnya mewujudkan konflik.

- Banyak rujukan dibuat melalui al-Quran pelbagai peringkat mengenai bulan dan revolusi matahari

Perbincangan mengenai sains, Tuhan dan agama sudah berlaku sejak lama. Sejak zaman Aristotle dan Plato, subjek mengenai Tuhan dan alam sering disentuh. Thomas Aquinas menyatakan, agama dan akal tidak seharusnya mewujudkan konflik.

Pada abad ke-17, Descartes, Galileo, Newton dan lain-lain percaya bahawa sains pada dasarnya wujud di sekitar hujah matematik dan eksperimen pemerhatian. Hobbes umpamanya, menumpu kepada dunia benda dan menafikan ada kuasa lain yang berkaitan dengan alam benda.

Teori Charles Darwin mengenai manusia yang lahir pada pertengahan abad ke-19 mempertikai agama dalam empat perkara. Pertama, mempertikai antara fakta dan penciptaan. Kedua, mempertikai beza sebenar manusia dan binatang. Ketiga, mempertikai agama dan asas moral serta kelima, mempertikai mengenai penciptaan istimewa untuk manusia. Pendekatan empiris (uji kaji dan pengamatan) ini akhirnya diper-



PENEROKAN TEKNOLOGI: Kajian sains angkasa banyak merujuk kepada dalil yang terdapat di dalam al-Quran.

tikai saintis Barat sendiri.

Bagi mereka, pengasingan sains dan agama sudah mewujudkan jurang antara ilmu teknikal dan keutamaan dalam aplikasi. Hanya agama dengan sistem nilai yang ada padanya berasaskan daya intelektual dan rohaniah yang boleh memberi pedoman penggunaan ilmu saintifik dan teknologi.

Dr R L Thompson umpamanya, menyebutkan pemahaman mengenai kejadian menghasilkan banyak kemajuan teknologi. Manusia di seluruh dunia membuang jalan tradisi untuk hidup dan menyertai usaha menjadikan teknologi sesuatu yang agung. Suatu perjuangan menghasilkan lebih banyak mesin pembunuh yang melakukan kerosakan dahsyat.

Muhammad Saud (1996) dalam bukunya *Islam and Evolution of Science* menyebutkan, banyak rujukan dibuat melalui al-Quran mengenai pelbagai peringkat mengenai bulan, penciptaan sesuatu berasaskan kadar tertentu, revolusi matahari dan bulan

pada kelajuan tertentu dan akur pada suatu sistem, penciptaan segala sesuatu dalam bentuk berpasangan adalah antara dorongan yang menyebabkan kajian saintifik berlaku.

Kajian saintifik dalam tradisi Islam tidak saja menjadikan 'apa' sebagai asas mengkaji fenomena tetapi menjadikan 'mengapa' sebagai asas untuk mengkaji dan mengetahui hikmah di sebalik kejadian.

Metodologi itu menyebabkan saintis Islam mengiktiraf tanda kebesaran Allah berasaskan keterbatasan manusia mengkaji rahsia alam dan keluasan alam jagat ini yang belum mampu dikaji manusia sepenuhnya.

Ia memberi pedoman bahawa akal atau rasional semata-mata tidak memadai untuk memahami alam dan fenomenanya tetapi memerlukan pedoman daripada Pencipta supaya antara pemahaman mengenai faktor fizik menjadi seimbang dengan pemahaman ilmu metafizik.